

Kawasan rendah mula banjir

MKN, agensi kerajaan minta orang ramai bersiap sedia untuk berpindah

AZURA MOHAMAD

RANTAU PANJANG – Beberapa kawasan rendah sekitar Rantau Panjang mula dinaiki air berikutan hujan berterusan Jumaat minggu lalu walaupun paras Sungai Golok dekat sini, masih di paras normal

Kawasan terlibat ialah laluan ke Putat Tujuh, Jeram Perdah, Lanchang, Kelawai, Terusan dan Banggol Nyior.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara, (MKN) Negeri Kelantan, Rosli Mamat, berkata, air berkenaan merupakan air daripada kawasan darat yang melimpah ke kawasan rendah dan bukannya limpahan dari Sungai Golok.

Menurutnya, berikutan hujan berterusan di negeri ini, MKN bersama beberapa agensi bersiap sedia kemungkinan banjir berikutan ramalan Jabatan Meteorologi Negeri Kelantan, hujan dijangka lebat mulai malam ini sehingga 24 Disember.

“Orang ramai yang tinggal di kawasan rendah serta kerap dinaiki air diminta supaya ber-

jaga-jaga dan bersiap sedia menyimpan dokumen penting di tempat selamat.

“Kita juga meminta orang ramai supaya mendapatkan maklumat terkini paras air menerusi media seperti televisyen dan radio bagi memudahkan mereka berpindah jika perlu berbuat demikian,” katanya semalam.

Rosli juga meminta orang ramai supaya tidak ke kawasan berisiko bahaya seperti tasik, sungai, parit serta tali air bagi mengelak tergelincir atau kejadian tidak diingini.

Beliau turut mencadangkan orang ramai yang mencari rezeki dengan memukat ikan, atau hendak berbuat demikian ke sungai secara berkumpulan.

“Ibu-ibu mengandung yang sedang menunggu kelahiran dalam masa terdekat juga diminta bersiap sedia tinggal di kawasan selamat atau ke hospital berdekatan.

“Rakyat negeri ini yang menggunakan air tidak terawat pula diminta memasak air untuk kegunaan harian bagi mengelak dijangkiti penyakit berpunca daripada air kotor,” katanya.



Seorang kanak-kanak, Anis Syuhada Tajudin, 4, dari Kampung Terusan melihat air banjir, semalam.